

SunCon lepassi sasaran RM1.5 bilion

Oleh **NABILA YASMIN RAZIB**

ekonomi@utusan.com.my

SUNWAY
CONSTRUCTION

KUALA LUMPUR 28 Jun - Sunway Construction Group Bhd. (SunCon) dianugerahkan tiga projek bernilai RM798.6 juta, sekali gus melepasi sasaran RM1.5 bilion bagi buku tempahannya untuk tahun kewangan 2019.

Pengarah Urusan SunCon, Chung Soo Kiong berkata, projek baharu yang dianugerahkan tahun ini termasuk tiga projek berkenaan adalah berjumlah RM 1.536 bilion.

"Kami gembira telah mencapai sasaran kami untuk tahun ini menjelang akhir 2019.

"Kami akan terus berusaha umendapatkan kontrak baharu dan bergerak maju dengan strategi pengembangan kami ke ASEAN dan India," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Tambah Soo Kiong, antara projek yang diterima adalah bagi pembinaan dan menyiapkan Pusat Kepemimpinan Petronas di Bangi dengan

nilai kerja sebanyak RM310 juta merangkumi pembinaan sebuah tempat letak kereta bawah tanah, bangunan empat tingkat, dua pondok pengawal keselamatan, surau dan kerja-kerja berkaitan menaik taraf bangunan sampingan yang lain.

"Yang kedua adalah projek yang dianugerahkan oleh Sunway South Quay dengan jumlah kontrak bernilai RM119 juta bagi kerja-kerja di Sunway City Kuala Lumpur.

"Selain itu, terdapat projek daripada Oxley Rising Sdn. Bhd. bagi pembekalan, penghantaran, pemasangan, ujian dan pentauliahan mekanikal dan elektrik sistem voltan rendah untuk cadangan pembangunan komersial campuran terdiri daripada *suite* perkhidmatan, hotel dan blok pejabat di Jalan Ampang untuk kontrak berjumlah RM67.8 juta," katanya.